

Obama perlu buktikan komitmen, bukan retorik

B.H 2/6/09 ms 14

PRESIDEN AS, Barack Obama, tahu dia menyemai harapan untuk mengubah kedukaan lebih satu bilion umat Islam yang muak dengan tindak-tanduk negara itu menjelang pemilihannya menduduki Rumah Putih.

Justeru, dia memainkan irama baru untuk memenangi hati ramai yang terjejas teruk akibat pembohongan presiden sebelum ini, George W Bush, kerana melancarkan serangan ke atas umat Islam atas alasan 'memerangi keganasan'.

Untuk membuktikan kesungguhannya, Obama mesti memberi penekanan dalam ucapan kepada dunia Islam pada minggu ini bagi meyakinkan memang ada perubahan dalam dasar AS ketika ini.

Itulah - kata ahli politik dan penganalisis negara Islam - yang perlu Obama beri perhatian dengan menyelesaikan konflik Palestin dan Israel.

Dari Kuala Lumpur ke Kabul, Ramallah ke Riyadh, me-



KENANGAN BERSEJARAH...peniaga kedai cenderamata di Kaherah, Mesir (kiri) dan Palestin di Gaza menunjukkan barangan yang akan dijual sempena memperingati lawatan Obama ke Timur Tengah minggu ini.

sej untuk Obama adalah sama - mengambil sikap berbeza daripada terus mempertahankan keangkuhan rejim Zionis Israel.

"Belum terlambat untuk memulihkan hubungan AS

dan dunia Islam," kata Presiden Parti Keadilan Sejahtera Indonesia, Tifatul Sembiring.

Mengetuai parti beraliran Islam berpengaruh, Tifatul berkata, Obama perlu mem-

buktikan tiada lagi perang oportunistik seperti dilakukan Washington ke atas Iraq.

"Adakah AS benar-benar serius mahu mencari penyelesaian sebenar dalam isu Palestin? Umat Islam sedunia

menunggu keadilan dilaksanakan dalam konflik ini," katanya.

Penganalisis politik Arab Saudi, Turad al-Amri, berkata peluang terbaik Obama memenangi hati umat Islam dan Arab adalah dengan

semangat kepada mereka," katanya.

Obama dijadual melawat Arab Saudi dan Mesir pada minggu ini sebelum menyampaikan ucapan mengenai dasar baru Rumah Putih terhadap isu berkaitan Islam selepas mengadakan pertemuan dengan sekutu rapat AS di Timur Tengah, Hosni Mubarak, lusa.

Tugasan itu, antara lain untuk memperbaiki imej dan hubungan AS yang dirosakkan Bush sebelum ini.

Perwakilan Hamas di Damsyik, Ali Baraka, berkongsi pandangan sama.

"Perubahan diplomasi AS di bawah Obama mesti direalisasikan," katanya.

Justeru, kata Ali, langkah awal Obama boleh dimulakan dengan menekan Israel menghentikan kekejaman ke atas Gaza dan menamatkan sekatan dilakukannya.

Di Iran, profesor Pusat Kajian Amerika Utara di Universiti Teheran, Mohammad Marandi, berkata masa Obama memperbaiki imejnya di Timur Tengah semakin sun-tuk.

menggunakan pengaruhnya ke atas Israel.

“Dengan mendesak rejim Yahudi itu, Obama akan berjaya mengatasi lebih daripada satu isu, termasuk keganasan, Iran dan Lubnan,” katanya.

Sebelum ini, Obama dilaporkan berkata, Israel mesti menghentikan pembukaan kawasan penempatan haram baru di Tebing Barat.

Bagi perunding Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Saeb Erekat, tanggungjawab Obama adalah memastikan pembentukan negara Palestin.

“Penduduk Palestin tidak mahu lagi mendengar janji-janji, tetapi mereka menuntut tindakan,” katanya.

Di Kabul, ahli parlimen, Sabrina Saqib, berkata sepatutnya Obama memahami isi hati rakyat tertindas dan berusaha menyelesaikan isu Palestin.

“Dia adalah warga AS berkulit hitam dan ayahnya beragama Islam.

“Apabila anda menghormati pihak lain, anda memberi

Katanya, perubahan bermakna dalam dasar luar AS terhadap dunia bukan blok Barat mungkin banyak membantu AS.

“Sepatutnya AS tidak lagi melihat dirinya sebagai negara terkecuali dan memiliki hak istimewa. Ia adalah negara sama seperti yang lain.

“Saya fikir dunia Islam dan bukan Islam sangat mengharapkan Obama berkata begitu,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Malaysia, Dr Dzulkifli Ahmad, berkata Obama boleh mengambil pendekatan berbeza untuk menyampaikan ucapan mengenai dasar AS terhadap dunia Islam.

“Beliau boleh berfikiran kreatif dan memilih Indonesia atau Malaysia bagi membawa perubahan paradigma AS terhadap Islam,” katanya.

Dengan memilih Mesir, kata Dzulkifli, Obama tetap mengambil pendekatan sama dalam isu Timur Tengah kerana Hosni Mubarak tidak dilihat mewakili kepentingan dunia Islam. - Reuters